

Headline	CCK terus kembangkan pasaran produk ayam		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 May 2012	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	e3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	517 cm ²
Journalist	garret dawum	AdValue	RM 1,175
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,525



CCK terus kembangkan pasaran produk ayam

GARRET DAWUM
(Pelatih UKM)

KUCHING, Khamis — CCK Consolidated Holdings Berhad (CCK) kini memiliki dan mengendalikan 49 buah rangkaian kedai runcit dan borong, bahagian perdagangan untuk pemprosesan ayam di seluruh Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Ketua Pegawai Operasi CCK, Lim Teck Huak berkata kumpulannya menjual kira-kira 25,000 ekor ayam sehari di pasaran negeri ini.

"Ayam-ayam ini akan dijual di seluruh pasaran berdasarkan kepada permintaan dengan memberikan kualiti, nilai, tahap kebersihan dan kepelbagaian kepada pelanggan.

"Setakat ini juga, terdapat empat buah rangkaian kami di Selangor dan Sabah, manakala di Sarawak kami mempunyai empat di Kuching dan satu masing-masing di Bintagor dan Sibul," katanya dalam satu majlis jamuan tengah hari sempena penghargaan kepada media di salah sebuah restoran di sini, hari ini.

Sementara itu, Lim berkata pihaknya mensasarkan 10 lagi

buah kedai jualan akan dibuka menjelang hujung tahun ini melibatkan Sarawak, Sabah, dan Semenanjung Malaysia serta 10 lagi buah kedai di Jakarta.

Lim juga mengharapkan pembukaan kedai-kedai jualan di bandar-bandar kedua di Sabah seperti Papar, Ranau, dan Kundasang serta bandar-bandar lain, di mana setakat ini mereka hanya membuka di Kota Kinabalu.

Menurutnya, Sabah mempunyai potensi pasaran yang dapat mengembang dan memperluaskan perniagaan mereka.

Katanya, perkembangan dalam perniagaan ini kerana masyarakat di Malaysia memerlukan 32 kilogram ayam per kapita dalam setahun.

Namun demikian, di Indonesia katanya, hanya sebanyak 6 kilogram ayam diperlukan per kapita setahun kerana masalah dalam perkhidmatan, harga dan juga masyarakat di sana hanya memerlukan ayam semasa musim perayaan sahaja.

"Tetapi mengikut kepada ekonomi yang semakin men-

cabar dan permintaan yang tinggi, kami akan mensasarkan lebih pasaran di Indonesia," katanya.

Beliau berkata, bahawa outlet baru yang dibuka di Betong 28 April baru-baru ini telah menarik seramai 900 orang untuk datang dan membeli di outlet tersebut kerana ramai yang menggemari ayam segar yang dibekalkan oleh mereka.

Dalam pada tahun, Lim menjelaskan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011, kumpulan kami mencatatkan perolehan sebanyak RM376.7 juta, peningkatan sebanyak 5.9 peratus daripada RM355.7 juta pada tahun 2010.

"Jika dibandingkan, keuntungan sebelum cukai kumpulan meningkat sebanyak 7.2 peratus kepada RM25.2 juta daripada RM23.5 juta sebelum ini," katanya sambil menambah bahawa bagi iringan berakhir 31 Disember 2011, kumpulan kami mencatatkan perolehan sebanyak RM215.9 juta berbanding RM203.5 juta bagi tahun iringan yang sama sebelumnya iaitu peningkatan

sebanyak 6 peratus.

Tambahnya lagi, keuntungan sebelum cukai berjumlah RM16.4 juta berbanding RM15.6 juta (peningkatan sebanyak 4.8 peratus) untuk iringan yang sama pada tahun 2010.

"Keunikan CCK adalah kita mempunyai rangkaian bersepadu sendiri seperti penetasan, sawah ladang, abbatoir ayam, pengangkutan dan kedai. Ini dapat memastikan kesegaran produk kami dan membolehkan kami untuk memantau kualiti produk kami kepada para pengguna. Kami juga mempunyai pensijilan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Islam Sarawak," katanya.

CCK yang ditubuhkan pada 5 Ogos 1996 juga mempunyai rangkaian perniagaan udang dan pemprosesan udang, di mana 250 kilogram udang dihasilkan dalam masa sejam.

Kesemua produk CCK ada yang dieksport ke Eropah, Jepun, Amerika Syarikat dan Australia.

Headline	CCK terus kembangkan pasaran produk ayam		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 May 2012	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	e3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	517 cm ²
Journalist	garret dawum	AdValue	RM 1,175
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,525



MELONJAK ... Ketua Pegawai Operasi, CCK Consolidated Holdings Berhad, Lim Teck Huat (berdiri tengah) bersama beberapa orang kakitangan pada majlis taklimat pemiagaan bersama media semalam. • NORDIN MD DIAH